

## NOTA AMALAN NO. 2/2020

### TUNTUTAN ELAUN MODAL KE ATAS KOS PEMBANGUNAN BAGI PERISIAN KOMPUTER YANG DIBUAT KHAS DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN 2019

- 1.0 Nota ini dikeluarkan bagi memberi panduan berkenaan pemakaian Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal) (Kos Pembangunan Bagi Perisian Komputer Yang Dibuat Khas) 2019 [P.U.(A) 274/2019] berhubung kos pembangunan bagi perisian komputer yang dibuat khas yang layak bagi tujuan tuntutan elaun modal berkuat kuasa mulai tahun taksiran (TT) 2018.
- 2.0 Pemakaian Kaedah ini hendaklah tertakluk kepada peruntukan Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967.
- 3.0 Di bawah Kaedah ini, kos pembangunan bagi perisian yang dibuat khas merujuk kepada belanja yang dilakukan dalam menghasilkan perisian baharu atau menambahbaik perisian sedia ada untuk digunakan bagi tujuan suatu perniagaan.
- 4.0 Perbelanjaan yang layak bagi tujuan tuntutan elaun modal di bawah Kaedah ini terdiri daripada:
  - 4.1 Fi perunding  
Fi perunding yang dilakukan atas pembangunan perisian yang dibuat khas bagi tujuan membangunkan suatu sistem perisian baharu, modifikasi atau pemodenan perisian sedia ada, tidak termasuk fi perunding berkaitan prosedur awal atau peringkat perancangan seperti *feasibility study* atau *preliminary study*.
  - 4.2 Bayaran bagi hak pemilikan perisian  
Bayaran bagi hak menggunakan perisian tersebut secara eksklusif.
  - 4.3 Fi sampingan  
Bayaran berkaitan yang dilakukan bagi membolehkan perisian digunakan dalam suatu perniagaan dan dipermodalkan seperti *change of requirement* perisian.
- 5.0 Bayaran bagi perbelanjaan di perenggan 4.0 kepada penerima bukan pemastautin adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109 atau 109B bergantung kepada fakta masing-masing.
- 6.0 Elaun modal boleh dituntut mulai TT perisian komputer tersebut boleh digunakan dalam suatu perniagaan.
- 7.0 Berikut adalah contoh-contoh yang mana elaun modal berhubung kos pembangunan bagi perisian komputer yang dibuat khas boleh dituntut.

TT kos pembangunan bagi perisian komputer yang dibuat khas dilakukan	TT perisian komputer yang dibuat khas boleh digunakan dalam perniagaan	Implikasi / Layanan Cukai
2018, 2019 & 2020	2020	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos dilakukan mulai TT 2018 merupakan belanja yang layak.</li> <li>• Elaun modal boleh dituntut mulai TT 2020.</li> </ul>
2017, 2018 & 2019	2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belanja layak adalah bagi kos yang dilakukan mulai TT 2018.</li> <li>• Kos dilakukan sebelum TT 2018 diabaikan.</li> <li>• Elaun modal boleh dituntut mulai TT 2019.</li> </ul>
2017 & 2018	2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belanja layak adalah bagi kos yang dilakukan mulai TT 2018 sahaja.</li> <li>• Elaun modal boleh dituntut mulai TT 2018</li> </ul>

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

**TARIKH PENERBITAN : 16 MAC 2020**